

Pak Lah tinjau pembangunan Terengganu

KUALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka melakukan lawatan kerja dua hari ke Terengganu bermula 31 Julai ini.

Sebaik tiba, Perdana Menteri dijangka menghadap Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Badariah, di sini, sebelum bertolak ke Pulau Duyung untuk menyempurnakan majlis penyerahan Rumah Mampu Milik.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Rosol Wahid, berkata Perdana Menteri kemudian akan merasmikan majlis pecah tanah Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) di Dendong, Besut, sebelum menghadiri majlis jamuan bersama rakyat di Kampung Rhu 10, Penarik Setiu pada sebelah malam.

Hari kedua lawatan, Perdana Menteri dijangka menghadiri majlis taklimat pembangunan aplikasi sistem tanah di bilik gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu.

Beliau kemudian mengadakan lawatan ke pusat pengumpulan dan pemprosesan nira nipah di Kelulut, Marang.

Rosol berkata, Perdana Menteri kemudian akan melawat Pulau Wan Man, di sini bagi menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda).